

Belanjawan. dua

UM 8 JAN 2002

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sistem belanjawan dua tahun sekali akan dimulakan pada tahun ini bagi memastikan peruntukan tahunan dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, melalui sistem baru itu pelaksanaan projek-projek tertentu boleh dipercepatkan kerana rancangannya akan dibentangkan dalam belanjawan setahun sebelum itu bagi membolehkan segala urusan birokratik diselesaikan sebelum tiba tahun tersebut.

“Belanjawan tetap akan dibentangkan setiap tahun tetapi ia akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pelaksanaan sebenar bagi tahun tersebut (seperti yang diamalkan sekarang) dan projek yang dike-

nal pasti untuk pelaksanaan pada tahun berikutnya,” jelas Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan-tama pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Institut Tadbiran Awam Negara di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau telah mengadakan perbincangan di peringkat Kementerian Kewangan bagi mengenal pasti dan memulakan tatacara untuk pelaksanaannya tahun ini.

“Sebenarnya kita (sudah) mengenal pasti apa projek yang kita mahu buat pada tahun 2003 dengan itu kita mula merancang apa yang kita perlu buat sebelum akhir tahun ini.

tahun sekali mulai 2002

“Menjelang 2003 kita sudah selesaikan segala tatacara birokratik yang tidak memerlukan perbelanjaan tetapi perlu dilaksanakan dan kita sudah boleh mulakan apa-apa pembinaan yang kita hendak buat bila tiba Januari depan,” katanya.

Perumahan

Antara projek yang telah dikenal pasti ialah projek perumahan untuk rakyat miskin, bekalan air, jalan raya persekutuan dan jalan raya negeri yang memerlukan bantuan Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri menambah, keputusan itu dibuat segera kerana beliau tidak mahu menunggu terlalu lama untuk memperkenalkan sistem itu pada akhir tahun ini dengan memasukkan perancangan projek tahun 2004 dalam Belanjawan 2003.

Belanjawan biasanya dibentangkan pada minggu terakhir Oktober di Dewan Rakyat.

Menurut Dr. Mahathir, beliau belum berpuas hati dengan tahap perbelanjaan kerajaan kerana setakat ini hanya 87 peratus daripada peruntukan tahun 2001 yang telah dibelanjakan.

Bagi belanjawan khas pula, iaitu RM4.3 bilion dan RM3 bilion yang diperuntukkan bagi menangani kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kerajaan hanya berjaya membelanjakan kira-kira 50 peratus sahaja, katanya.

“Ia (tertanggung) kerana selepas diperuntukkan, perlu pula dikenal pasti projek, melalui tatacara, pelantikan kontraktor dan sebagainya sedangkan semua perlukan rundingan tetapi sebelum semua perkara

itu selesai dia tidak boleh membelanjakan wang,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, antara contoh perbelanjaan lembap yang ketara ialah peruntukan jutaan ringgit yang diberikan kepada setiap bandar besar untuk memasang lampu sepanjang musim perayaan pada tahun lalu.

“Saya fikir tak ada satu bandar pun yang belanja wang itu kerana mereka perlu buat tender dulu, kemudiannya mendapatkan kelulusan itu ini, akhirnya sudah habis sampai hujung tahun (sedangkan) tujuan kita ialah supaya mereka belanja pada 2001 supaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tahun 2001,” tegas Perdana Menteri.